

# Kemudahan<sup>2</sup> Kuasa Letrik dan Bekalan Ayer

## I.—PENDAHULUAN

643. Ranchangan<sup>2</sup> yang di-bentangkan dalam Bab ini, ia-itu kuasa letrik dan bekalan<sup>2</sup> ayer, ada-lah merupakan sa-bahagian penting dari kemudahan<sup>2</sup> infrastruktur bagi memajukan kegiatan<sup>2</sup> perusahaan, pembandaran dan juga bagi memodenkan pertanian dan kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Dari segi Dasar Ekonomi Baharu, pembangunan kuasa letrik dan bekalan ayer memainkan peranan yang penting dalam usaha<sup>2</sup> Kerajaan untuk menggalakkan penempatan perusahaan<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> pembangunan yang tertentu. Ada-nya kuasa letrik dan bekalan ayer di-kawasan<sup>2</sup> ini akan dapat mewujudkan perusahaan<sup>2</sup> memproses barang<sup>2</sup> pertanian seperti yang di-jangka dalam Ranchangan. Untuk memenuhi keperluan<sup>2</sup> pembangunan pada keseluruhannya dan juga bagi memudahkan tercapai-nya matlamat<sup>2</sup> Ranchangan dari segi memperbaiki kawasan<sup>2</sup> yang terpenchil, bahan<sup>2</sup> kuasa letrik mesti-lah di-adakan.

644. Pembangunan sektor ini memerlukan tempoh yang panjang untuk merancang dan menyediakan dan sentiasa melibatkan pelaburan yang banyak. Oleh yang demikian anggaran mengenai perkembangan penggunaan dan kajian<sup>2</sup> teknik mengenai puncha<sup>2</sup> keluaran dan perbelanjaan<sup>2</sup> bagi memajukan-nya mesti di-laksanakan dengan teliti. Badan<sup>2</sup> yang berkenaan di-bidang ini, seperti Lembaga Letrik Negara (LLN) di-Malaysia Barat, Lembaga Letrik Sabah (LLS) dan Perbadanan Bekalan Letrik Sarawak (PBLIS), masing<sup>2</sup> menyediakan ranchangan pembangunan jangka panjang sebagai panduan pelaburan<sup>2</sup> bagi tempoh sa-puluh tahun ka-hadapan dan seterusnya. Ranchangan jangka panjang yang lengkap belum lagi di-buat bagi bekalan<sup>2</sup> ayer. Satu dasar bagi seluruh negeri mengenai penggunaan dan pengurusan ayer sedang di-rumuskan, memandangkan kapada beberapa kegunaan ayer dan kemungkinan berlaku-nya kesan<sup>2</sup> burok kapada ekoloji negara.



## II.—KUASA LETRIK: KAJIAN SA-MULA KEMAJUAN, 1966-70

645. *Di-Malaysia Barat*, keupayaan menjana kuasa letrik telah bertambah dengan pesat dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, setelah beberapa projek yang besar di-siapkan. Sehingga tahun 1970, keupayaan menjana LLN yang di-pasang telah meningkat kepada 664 MW, terdiri dari sa-buah loji letrik-haidero sebesar 265 MW, sa-buah loji wap 360 MW dan sa-buah loji disel sebesar 39 MW. Ini merupakan lebeh dari dua kali keupayaan sistem menjana dalam tempoh lima tahun, daripada jumlah lebeh kurang 300 MW dalam tahun 1965. Sa-buah lagi loji wap 180 MW akan di-tambah dengan siap-nya dalam tahun 1972 kerja<sup>2</sup> pembenaan yang sedang di-laksanakan. Dengan itu, maka jumlah keupayaan menjana yang di-pasang akan meningkat 844 MW. Jumlah ini tidak termasuk keupayaan menjana sa-banyak 200 MW dari loji<sup>2</sup> haidero, dan disel yang di-punyaï oleh pemegang<sup>2</sup> lesen dan Majlis Bandaran Pulau Pinang.

646. Kemajuan kuasa letrik di-Malaysia Barat dalam Ranchangan Malaysia Pertama telah menelan belanja yang berjumlah \$517.6 juta (*lihat* Jadual 13-1). Ini termasuk perbelanjaan bagi sistem<sup>2</sup> penghantaran dan pembahagian, perkhidmatan letrik luar bandar dan kemudahan<sup>2</sup> yang lain. Sa-buah loji letrik-haidero yang besar di-dirikan pertama kali-nya di-Cameron Highlands telah siap, menjadikan jumlah keupayaan menjana sa-banyak 259.7 MW. Sistem penghantaran di-sepanjang Pantai Barat, kesemua-nya telah di-sambong dengan sistem seluroh negara. Ini bererti bahawa semua bandar<sup>2</sup> dari Johor Bahru ka-Alor Star dan semua loji penjanaan yang besar ada-lah bersambongan di-antara satu sama lain.

JADUAL 13-1

### PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM BAGI BEKALAN LETRIK, 1966-70

(\$ juta)

	<i>Peruntukan asal ranchangan</i>	<i>Perbelanjaan yang benar</i>	<i>Kejayaan (%)</i>
<i>Malaysia Barat</i> ... ..	545.0	517.6	95.0
Seteshen Letrik di-Prai ... ..	45.0	44.4	98.7
Ranchangan letrik-haidero Temengor ...	25.0	—	—
Ranchangan letrik-haidero Batang Padang	121.0	142.6	117.9
Seteshen Letrik Port Dickson ... ..	108.0	136.5	126.4
Seteshen Letrik Johor Bahru ... ..	28.0	25.3	90.4



JADUAL 13-1—(samb.)

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM BAGI BEKALAN  
LETRIK, 1966-70

(\$ juta)

	<i>Peruntukan Asal Ranchangan</i>	<i>Perbelanjaan sa-benar</i>	<i>Kejayaan (%)</i>
Ranchangan letrik-haidero Bentong ...	20.0	—	—
Ranchangan letrik-haidero Raub ...	20.0	—	—
Pembahagian ...	137.0	111.8	81.6
Bekalan letrik luar bandar ...	15.0	23.0	153.3
Lain <sup>2</sup> ...	26.0	34.0	130.8
<i>Sabah</i> ...	<i>15.0</i>	<i>10.3</i>	<i>68.7</i>
Pembangunan kuasa letrik ...	13.5	9.3	68.9
Bekalan letrik luar bandar ...	1.5	1.0	66.7
<i>Sarawak</i> ...	<i>24.3</i>	<i>2.7*</i>	<i>11.1</i>
Pembangunan kuasa letrik ...	23.1	2.6*	11.3
Bekalan letrik luar bandar ...	1.2	0.1	8.3
Jumlah ...	584.3	530.6	90.8

647. Ranchangan bekalan letrik luar bandar telah di-perluaskan lagi dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Ranchangan ini adalah di-biayaï bersama oleh LLN, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Dalam masa Ranchangan Malaysia Pertama, kira<sup>2</sup> 650 kampong telah di-beri kemudahan letrik mengikut ranchangan ini dengan menelan belanja sa-banyak \$23 juta. Lebih dari 50,000 keluarga telah menerima bekalan letrik di-kampong<sup>2</sup> tersebut.

648. Sa-banyak tiga pinjaman telah di-tanda-tangani dengan Bank Dunia bagi membiayaï kos tukaran wang asing untuk projek<sup>2</sup> yang berjumlah lebih kurang \$190 juta dalam tempoh Ranchangan. Jumlah pinjaman yang sudah di-gunakan, termasuk wang daripada pinjaman<sup>2</sup> yang terdahulu, adalah sa-banyak \$207.6 juta. Penggunaan kredit<sup>2</sup> pembekal bagi membiayaï kos tukaran wang asing projek<sup>2</sup> yang besar telah di-mulakan, sementara perbelanjaan yang lain telah di-biayaï oleh Kerajaan dan puncha<sup>2</sup> kewangan LLN sendiri.

\* Tidak termasuk perbelanjaan yang di-biayaï melalui puncha<sup>2</sup> kewangan PBLIS.



649. Semua projek<sup>2</sup> LLN telah dapat di-siapkan mengikut jadual dan perbelanjaan-nya pula tidak melebihi dari peruntukan. Pada tahun 1969 semua jawatan<sup>2</sup> penting telah di-pegang oleh warganegara Malaysia. Semenjak tahun 1963 jumlah jualan telah bertambah sa-banyak 15.8% sa-tahun. Penggunaan perusahaan melombong bijeh timah, yang dahulunya ada-lah pengguna yang utama, telah merosot dari kira<sup>2</sup> 30% kepada 16% semenjak tahun 1963, sementara penggunaan bidang perusahaan pula telah bertambah dari 22% kepada 39%. Penggunaan bidang perusahaan ada-lah di-jangka akan bertambah lagi memandang kepada usaha<sup>2</sup> Kerajaan menggalakan kemajuan perusahaan dalam Rancangan Malaysia Kedua.

650. *Di-Sabah*, sistem letrik terdiri dari dua buah pusat yang besar, ia-itu di-ibu negeri, Kota Kinabalu di-Pantai Barat dengan keupayaan sa-banyak 17.5 MW dan di-Sandakan di-Pantai Timor dengan keupayaan sa-banyak 26.5 MW. Dua pusat kecil lagi ia-lah Tawau dan Labuan, masing<sup>2</sup> dengan keupayaan 3.3 MW. Baki sistem tersebut ada-lah memberi kemudahan<sup>2</sup> letrik di-kampong<sup>2</sup> yang terpenchil melalui seteshen<sup>2</sup> dengan jumlah keupayaan penjanaan sa-banyak 3.4 MW.

651. Perkembangan keupayaan penjanaan LLS telah bertambah tiga kali dari 17.9 MW pada tahun 1965 hingga 53.45 MW pada tahun 1970. Jumlah perbelanjaan pembangunan bagi loji, sistem<sup>2</sup> penghantaran dan pembahagian dan lain<sup>2</sup> ada-lah sa-banyak \$10.3 juta. Perbelanjaan<sup>2</sup> yang besar yang telah di-buat dalam masa dua tahun yang terakhir Rancangan Pertama ada-lah untuk menyiapkan sa-buah seteshen kuasa letrik baharu di-Sandakan. Seteshen ini ada-lah di-lengkapi dengan tiga yunit penjana disel 5 MW dan sistem pembahagian sa-banyak 11 KV sepanjang lima batu.

652. Bilangan pengguna telah bertambah dari 13,512 kepada 24,500, ia-itu tambahan sa-banyak 81%, sementara hasil bertambah dengan kadar yang sama, dari \$6.48 juta kepada \$11.8 juta. Lebih kurang \$1 juta telah di-belanjakan bagi membena 11 buah sistem<sup>2</sup> pembekalan di-luar bandar dan memberi faedah kepada lebih kurang 1,300 orang. Dalam tahun 1965, hanya seramai 470 orang yang tinggal di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar mendapat bekalan letrik. Ibu Pejabat baharu bagi Lembaga itu telah di-siapkan di-Kota Kinabalu untuk mengganti pejabat<sup>2</sup> yang lama dan juga untuk menempatkan pejabat<sup>2</sup> Bahagian Barat.

653. *Di-Sarawak*, PBLs, yang telah di-tubuhkan pada tahun 1963, ia-lah pembekal kuasa letrik yang terbesar. Ia mengendalikan 23 buah seteshen berselerak di-merata<sup>2</sup> kawasan. Jumlah keupayaan yang di-pasang dalam tahun 1970 ia-lah lebih kurang 33 MW, berbanding dengan lebih



kurang 18 MW dalam tahun 1965. Saperti di-Sabah, semua seteshen<sup>2</sup> dilengkapi dengan alat<sup>2</sup> penjana disel, yang mempunyai keupayaan dari 28 MW hingga 5,000 MW. Pusat<sup>2</sup> yang penting ia-lah Kuching, Sibu dan Miri, yang kesemua-nya mempunyai lebeh dari 75% keupayaan yang di-pasang. Dalam Ranchangan Malaysia Pertama, lebeh kurang \$2.7 juta telah di-belanjakan bagi meluaskan sistem dan kawasan<sup>2</sup> perkhidmatan.

654. Semasa Konfrantasi, permintaan untok mendapatkan kuasa letrik telah bertambah sa-banyak antara 17% dan 24% sa-tahun, kebanyakan-nya di-sebabkan oleh pembesaran angkatan bersenjata. Selepas tahun 1967, keadaan telah puleh saperti biasa dengan kadar tambahan lebeh kurang 15% sa-tahun.

### III.—RANCHANGAN<sup>2</sup> KUASA LETRIK DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

655. Ranchangan kemajuan kuasa letrik di-*Malaysia Barat* ia-lah bertujuan memperluaskan lagi bekalan letrik sehingga tahun 1985. Ranchangan ini berdasarkan ramalan<sup>2</sup> yang di-buat oleh LLN mengenai permintaan<sup>2</sup> untok kuasa letrik dan keupayaan penjanaan, dan kajian tentang champoran kemudahan<sup>2</sup> yang sesuai sekali antara letrik-haba dan letrik-haidero. Permintaan untok kuasa letrik ada-lah berdasarkan perkembangan sa-banyak 11% sa-tahun dari tahun 1970 hingga 1973 dan sa-banyak 10% sa-tahun selepas tahun 1973.

656. Ranchangan pemasangan<sup>2</sup> loji sechara berperingkat, yang di-shorkan serta mengikut perbelanjaan yang sehabis kechil, ia-lah saperti berikut :

(a) memasang tiga yunit penjana letrik-haba 120 MW di-Port Dickson dalam masa 1974-76; dan

(b) memaju projek letrik-haidero Temengor yang terdiri dari tiga yunit 87 MW yang akan di-laksanakan dalam tahun 1977-78.

657. Ranchangan<sup>2</sup> di-atas merupakan tambahan loji penjana lebeh dari dua kali kuasa loji penjana yang di-bena dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Jumlah perbelanjaan mengenai ranchangan ini, termasuk kerja<sup>2</sup> penghantaran dan yang berkaitan dengan-nya, ia-lah lebeh dari \$700 juta. Bagaimana pun, dalam tempoh Ranchangan hanya lebeh kurang \$500 juta sahaja akan dapat di-belanjakan. Pada tahun 1976, keupayaan penjana yang di-pasang akan menjadi 1,204 MW, dan ini merupakan satu perkembangan bekalan letrik sa-banyak sa-puluh kali kuasa pada awal tahun 1963.



658. Peringkat Ketiga pembesaran seteshen Port Dickson pada mula-nya telah di-ranchang untok di-pasang dengan lapan yunit penjana 60 MW tiap<sup>2</sup> satu. Kerja Peringkat Pertama yang mengandongi pemasangan dua yunit penjana 60 MW tiap<sup>2</sup> satu telah siap, dan Peringkat Kedua, yang mengandongi dua yunit penjaga 60 MW tiap<sup>2</sup> satu, akan siap pada tahun 1972. Bagi pembangunan Peringkat Ketiga, yunit<sup>2</sup> yang lebeh besar ia-itu 120 MW tiap<sup>2</sup> satu, akan di-pasang dan dengan yang demikian akan menjimatkan kos minyak pembakar.

659. Anggaran perbelanjaan bagi projek ini ia-lah \$220.2 juta. Bank Dunia akan memberi pinjaman sa-banyak \$60 juta bagi sistem penghantaran dan seteshen<sup>2</sup> kechil, kerja<sup>2</sup> awam, alat<sup>2</sup> pembantu dan perkhidmatan<sup>2</sup> perunding. Alat<sup>2</sup> yang besar saperti "boiler" dan "turbor-alternator" akan di-biayai melalui perjanjian<sup>2</sup> bantuan dua pihak atau pinjaman dari pembekal<sup>2</sup>. Peluang<sup>2</sup> untok membiayai projek<sup>2</sup> mengikut peratoran<sup>2</sup> ini telah di-gunakan bagi pertama kali-nya dengan memuaskan dalam tahun<sup>2</sup> 1969 dan 1970. Ini-lah satu peralehan dari sumber<sup>2</sup> kewangan Bank Dunia yang akan membiayai sistem penghantaran dan pembahagian sahaja.

660. Satu lagi ranchangan yang besar ia-lah projek letrik-haidero Temengor. Projek ini akan menjadi kompleks haidero yang kedua di-laksanakan di-Malaysia Barat. Kajian<sup>2</sup> sedang juga di-buat mengenai projek letrik-haidero lain yang mungkin di-majukan. Projek Temengor ini telah di-kaji beberapa kali semenjak tahun 1964 dari segi ekonomi dan masa perlaksanaan-nya. Satu keputusan akhir telah di-buat bagi melaksanakan projek ini dan akan di-siapkan dalam tahun 1977-78. Projek ini akan mempunyai keupayaan penjana sa-banyak 260 MW, ia-itu projek yang terbesar sekali di-kendalikan oleh LLN. Jumlah perbelanjaan ada-lah di-anggar melebehi \$240 juta, sa-banyak \$160 juta daripada-nya merupakan tukaran wang asing. Kerja<sup>2</sup> pembenaan akan meliputi sa-buah ampangan, tembusan bawah tanah, seteshen penjana dan sistem penghantaran yang berkaitan. Kerja<sup>2</sup> ini akan mengambil masa selama lebeh kurang enam tahun. Projek ini ada-lah juga di-bentok supaya dapat mengawal banjir.

661. Reka-bentok kejuruteraan dan kerja<sup>2</sup> di-tapak projek tersebut akan di-mulakan pada pertengahan tahun 1971, apabila satu perjanjian di-tanda-tangani dengan perunding<sup>2</sup> yang mengendalikan projek itu. Kerajaan Canada telah membiayai perkhidmatan<sup>2</sup> perunding dengan pinjaman mudah. Kerajaan Canada juga telah menawarkan satu pinjaman dengan syarat<sup>2</sup> yang sama bagi perbelanjaan<sup>2</sup> yang melibatkan tukaran wang asing untok projek ini serta juga perkara<sup>2</sup> lain yang berkaitan dengan kemajuan kuasa letrik di-Malaysia Barat selepas Ranchangan



Malaysia Kedua. Dengan tawaran ini serta juga tawaran<sup>2</sup> yang lain daripada sumber<sup>2</sup> dua pihak, wang untuk membiayai rancangan<sup>2</sup> kuasa letrik nampak-nya lebih terjamin. Keputusan akhir mengenai sumber kewangan akan di-tentukan mengikut keadaan tawaran antarabangsa.

662. Rancangan bagi pembekalan letrik luar bandar ia-lah satu rancangan yang penting dalam strategi pembangunan pada keseluruhannya bagi mempercepatkan kegiatan di-luar bandar. Peruntukan sa-banyak \$20 juta telah di-buat oleh LLN bagi tujuan ini. Selain dari itu, Kerajaan<sup>2</sup> Persekutuan dan Negeri akan menambah lagi peruntukan ini. Tambahan lagi, sambongan kepada sistem kuasa letrik di-kawasan Tengah Malaysia Barat dan sambongan yang pertama di-buat ka-kawasan Pantai Timor di-Kuantan, yang di-jadualkan akan siap pada tahun 1974 akan memberi letrik kepada lebih banyak lagi kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Kawasan<sup>2</sup> ini adalah di-jangka akan menjadi pusat yang penting, di-sebabkan terutama sekali, oleh penubuhan perusahaan<sup>2</sup> memproses atau perusahaan<sup>2</sup> yang berasaskan pertanian. Oleh itu, rancangan ini akan memainkan peranan penting bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> Dasar Ekonomi Baharu.

663. Rancangan pembangunan di-*Sabah* ada-lah pada keseluruhannya di-rangka untuk memenuhi tambahan permintaan yang biasa dalam tempoh Rancangan. Jumlah perbelanjaan ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$20.7 juta, termasuk pemasangan dua yunit 5 MW yang baharu di-Kota Kinabalu, berharga \$3 juta, dan satu yunit 5 MW di-Sandakan, berharga lebih kurang \$1.5 juta. Baki-nya ia-lah untuk membesarkan sistem pembahagian dan kerja<sup>2</sup> memperbaiki.

664. Pemasangan yunit<sup>2</sup> penjana tambahan di-Kota Kinabalu akan di-buat dalam dua peringkat: satu yunit 5 MW dalam tahun 1972 supaya keupayaan penjanaan bertambah dari 17.5 MW kepada 22.5 MW. Yunit 5 MW yang kedua akan di-kehendaki pada tahun 1975 supaya jumlah keupayaan menjana meningkat kepada 27.5 MW.

665. Pembesaran seterusnya ada-lah terhad kerana kekurangan kawasan. Pada masa pembesaran ini di-perlukan, satu keadaan akan timbul di-mana ketetapan akan di-buat sama ada hendak menggunakan seteshen letrik-haidero atau seteshen haba. Kajian<sup>2</sup> yang kini sedang di-jalankan akan memberi maklumat yang perlu bagi membuat keputusan tersebut.

666. Sa-banyak \$3.32 juta telah di-peruntukkan bagi pembekalan letrik luar bandar. Perbelanjaan ini akan mengadakan bekalan letrik serta faedah<sup>2</sup> yang berkaitan kepada lebih kurang 30 buah kawasan<sup>2</sup> luar bandar yang baharu. Sa-buah seteshen kuasa letrik akan di-bena di-Lahad Datu, ia-itu sa-buah kawasan luar bandar.



667. Di-Sarawak, rancangan PBLIS bagi tempoh hingga tahun 1975 akan memenohi kadar penggunaan kuasa yang di-jangka bertambah sa-banyak lebeh kurang 16% sa-tahun. Penggunaan kuasa letrik *per kapita* di-Sarawak ada-lah rendah sekali di-Malaysia, tetapi ia-nya di-ramalkan akan bertambah di-sebabkan oleh pengurangan tarif yang di-buat dalam tahun 1970, kemajuan perusahaan yang makin meningkat dan juga pembangunan sechara umum yang di-alami di-negeri itu.

668. Projek<sup>2</sup> yang besar termasuk-lah pemasangan dua buah loji penjana sebesar 5 MW di-Kuching pada tahun 1973 dan 1975, satu yunit sa-besar 2 MW di-Sibu pada pertengahan tahun 1972 dan satu yunit sebesar 3 MW pada tahun 1974, serta satu yunit 1 MW di-Miri pada akhir tahun 1972. Rancangan PBLIS juga termasuk rancangan memperbesarkan pembekalan letrik luar bandar. Juga, satu sistem penghantaran sebesar 33 KV akan di-bena di-Kuching.

669. Jumlah perbelanjaan dalam rancangan ini ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$41.8 juta, termasuk-lah \$1.5 juta untok bekalan letrik luar bandar. Lebeh kurang 42% daripada jumlah perbelanjaan ada-lah untok projek<sup>2</sup> penjana dan 49% untok projek<sup>2</sup> pembahagian. Bank Pembangunan Asia membiayai kira<sup>2</sup> \$7.5 juta untok perbelanjaan yang melibatkan tukaran wang asing rancangan itu, sementara baki-nya akan di-biayai oleh PBLIS sendiri. Satu lagi pinjaman sa-banyak \$2.6 juta akan di-rundingkan dalam tempoh Rancangan.

#### IV.—PEMBIAYAAN RANCANGAN KUASA LETRIK

670. Pehak<sup>2</sup> berkuasa letrik akan mengadakan sa-bahagian besar perbelanjaan yang di-kehendaki dari sumber<sup>2</sup> masing<sup>2</sup>. Beberapa sumber kewangan lain juga boleh di-dapati untok membiayai baki perbelanjaan yang di-perlukan dengan syarat<sup>2</sup> yang berpatutan. Pinjaman<sup>2</sup> dari Bank Dunia akan membiayai sa-bahagian besar baki dari keperluan<sup>2</sup> LLN, sementara Bank Pembangunan Asia telah pun bersetuju memberi satu pinjaman bagi membiayai sa-bahagian dari rancangan PBLIS. Satu permohonan mungkin juga di-buat kepada badan<sup>2</sup> peminjam antarabangsa ini untok membiayai sa-bahagian dari rancangan LLS, terutama-nya bagi memajukan seteshen haba atau haidero.

671. Sumber<sup>2</sup> kewangan lain yang penting, termasuk-lah kredit<sup>2</sup> pembekal dan bantuan dari negeri<sup>2</sup> tertentu yang telah di-tawarkan kepada Malaysia. Sa-bahagian daripada syarat<sup>2</sup> pinjaman yang di-tawarkan dari sumber<sup>2</sup>



ini ada-lah lebeh baik daripada syarat<sup>2</sup> yang di-buat oleh badan<sup>2</sup> antarabangsa. Negeri<sup>2</sup> Eropah Timor juga telah menunjukkan minat hendak membiayai sektor ini. Segala usaha akan di-buat untuk menggunakan tawaran<sup>2</sup> yang di-anggap paling menasabah kepada negara. Walau bagaimana pun, ketetapan akan di-buat dengan chara pertandingan tawaran antarabangsa dan setelah penilaian di-buat dari segi keperluan teknik dan syarat<sup>2</sup> bantuan kewangan.

672. Jadual 13-2 menunjukkan peruntokan bagi ranchangan kemajuan kuasa letrik dalam Ranchangan Malaysia Kedua.

JADUAL 13-2

PERUNTOKAN BAGI PEMBANGUNAN KUASA LETRIK, 1971-75  
(\$ juta)

<i>Malaysia Barat</i> ... ..	500.8
Pembangunan kuasa letrik di-Prai ... ..	6.4
Ranchangan letrik-haidero Temengor ... ..	63.5
Pembangunan kuasa letrik Port Dickson ... ..	197.8
Pembangunan kuasa letrik Johor Bahru ... ..	7.1
Penghantaran ... ..	60.9
Pembahagian ... ..	114.6
Bekalan letrik luar bandar ... ..	20.0
Lain <sup>2</sup> ... ..	30.5
<i>Sabah</i> ... ..	20.7
Penjanaan* ... ..	9.3
Pembahagian ... ..	8.1
Bekalan letrik luar bandar ... ..	3.3
<i>Sarawak</i> ... ..	41.8
Penjanaan ... ..	17.5
Pembahagian ... ..	20.3
Bekalan letrik luar bandar ... ..	1.5
Lain <sup>2</sup> † ... ..	2.5
Jumlah ...	563.3

\* Termasuk peruntokan sebagai tanda bagi ranchangan letrik-haidero.

† Termasuk pentadbiran, bekalan gas dan perkara<sup>2</sup> lain.



## V.—SUSUNAN TARIF

673. Susunan tarif ia-lah saperti yang biasa di-gunakan di-merata dunia, ia-itu tarif sechara blok bagi pengguna<sup>2</sup> rumah kediaman dan perniagaan dan tarif dua-bahagian bagi pengguna<sup>2</sup> perusahaan dengan bayaran mengikut permintaan. Satu tarif khas untok menggalakkan perusahaan, dengan bayaran lebeh tinggi sedikit dari kos keluaran, telah di-buat oleh LLN sebagai satu unsor dasar Kerajaan hendak membantu pembangunan perusahaan. Dengan susunan demikian, semua tarif<sup>2</sup> ini membolehkan LLN memenohi keperluan<sup>2</sup> perbelanjaan-nya dan juga dapat mengadakan sa-bahagian dari keperluan<sup>2</sup> kewangan untok mengembangkan ranchangan bekalan letrik.

674. Tarif<sup>2</sup> ini ada-lah di-rangka bertujuan untok mencherminkan kos pengendalian. Kos<sup>2</sup> ini ada-lah lebeh rendah bagi bekalan<sup>2</sup> letrik dari sistem grid berbanding dengan bekalan<sup>2</sup> dari seteshen<sup>2</sup> disel yang terpenchil. Dengan itu sistem kos pengendalian bekalan letrik di-sebelah pantai barat ada-lah lebeh rendah oleh kerana sistem ini menggunakan loji yang besar dan chekap, dan dengan ini menjimatkan perbelanjaan<sup>2</sup> pembahagian dan pentadbiran. Dengan bertambah-nya kawasan<sup>2</sup> yang di-bekal dengan kuasa letrik dari sistem grid maka dapat-lah pengguna<sup>2</sup> menikmati kuasa letrik yang murah, sama ada pengguna<sup>2</sup> rumah kediaman atau pun perusahaan.

675. Ranchangan sistem grid akan di-sambongkan, melintasi Banjaran Gunong ka-pantai timor meliputi Bentong, Mentakab, Temerloh, Raub dan Bukit Fraser pada tahun 1972 dan Kuantan pada tahun 1974. Sambongan ka-kawasan<sup>2</sup> lain di-pantai timor, saperti Kota Bharu dan Kuala Trengganu, akan di-buat serentak dengan kemajuan projek<sup>2</sup> yang lain, yang terpenting ia-lah projek Jalan Raya Timor-Barat dan projek letrik-haidero Temengor.

676. Salah satu daripada matlamat<sup>2</sup> Dasar Ekonomi Baharu ia-lah mengadakan perusahaan di-seluroh negara dan memajukan perusahaan<sup>2</sup> baharu di-kawasan<sup>2</sup> yang kebanyakan-nya maseh bergantung kapada kegiatan<sup>2</sup> tradisi. Beberapa tindakan yang di-rangka untok menghasilkan matlamat<sup>2</sup> ini ada-lah di-binchangkan di-Bab<sup>2</sup> lain Ranchangan ini. Untok menjamin kejayaan kegiatan ini, maka kuasa letrik yang chukop perlu di-adakan di-kawasan<sup>2</sup> yang berkenaan dengan harga yang berpatutan. Sunggoh pun ranchangan menyambong sistem bekalan letrik atau ranchangan mengadakan loji<sup>2</sup> berasingan tidak dapat di-nilai dengan memuaskan dari segi ekonomi, ketiadaan bekalan letrik tidak harus menjadi



faktor yang menyekat perkembangan perusahaan. Kerajaan dan LLN akan berusaha menchari langkah<sup>2</sup> dan chara<sup>2</sup> menyelesaikan masalah<sup>2</sup> ini supaya dapat menchapai matlamat<sup>2</sup> Dasar Ekonomi Baharu.

#### VI.—BEKALAN AYER: KAJIAN SA-MULA, 1966-70

677. Kemajuan yang memuaskan telah di-chapai dalam pelaksanaan berbagai<sup>2</sup> projek pembekalan ayer di-*Malaysia Barat* dalam tempoh 1966-70, walau pun terdapat kelambatan<sup>2</sup> dalam masa dua tahun pertama di-sebabkan rundingan mengenai bantuan dari luar bagi projek<sup>2</sup> yang besar. Setengah<sup>2</sup> projek telah perlu di-rangka sa-mula berikutan dengan kajian<sup>2</sup> yang baharu. Kemajuan mengenai ranchangan<sup>2</sup> kecil yang telah di-biaya<sup>2</sup> dari wang tempatan telah tidak terlibat. Projek<sup>2</sup> ini termasuk-lah berbagai<sup>2</sup> kerja memperbaiki dan menyambong bekalan ayer di-Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Johor. Sa-banyak \$129.2 juta telah di-belanjakan bagi bekalan<sup>2</sup> ayer di-*Malaysia Barat* berbanding dengan peruntukan sa-banyak \$150 juta (*lihat* Jadual 13-3).

JADUAL 13-3

#### PERBELANJAAN PEMBANGUNAN AWAM BAGI BEKALAN AYER, 1966-70

(\$ juta)

	<i>Peruntukan Asal Ranchangan</i>	<i>Perbelanjaan sa-benar</i>	<i>Kejayaan (%)</i>
<i>Malaysia Barat</i> ... ..	150.0	129.2	86.1
Bekalan <sup>2</sup> di-bandar ... ..	101.0	87.3	86.4
Bekalan <sup>2</sup> di-luar bandar ... ..	49.0	41.9	85.5
<i>Sabah</i> ... ..	43.0	16.0	37.2
Bekalan <sup>2</sup> di-bandar ... ..	41.3*	7.9*	19.1
Bekalan <sup>2</sup> di-luar bandar ... ..	1.7	8.1	476.5
<i>Sarawak</i> ... ..	9.0	5.6	62.2
Bekalan <sup>2</sup> di-bandar ... ..	5.4	3.1	57.4
Bekalan <sup>2</sup> di-luar bandar ... ..	3.6	2.5	69.4
<i>Malaysia</i> ... ..	202.0	150.8	74.7
Bekalan <sup>2</sup> di-bandar ... ..	147.7	98.3	66.6
Bekalan <sup>2</sup> di-luar bandar ... ..	54.3	52.5	96.7

\* Ranchangan bekalan ayer Sandakan telah di-pinda menyebabkan kos-nya di-betulkan dari \$40 juta kepada \$4.5 juta.



678. Dalam masa 1966-70, sa-banyak 40 buah loji penchuchi (termasok loji<sup>2</sup> Ranchangan Tanah LKTP) telah di-siapkan. Beberapa buah loji telah juga di-besarkan dan di-baiki. Hasil dari usaha ini, keupayaan menchuchi telah bertambah sa-banyak 48 juta gelen sa-hari (j.g.s.). Keupayaan menyimpan bertambah sa-banyak 60 j.g. Lebih dari 3,000 batu paip ayer yang berukuran 3" lebar-nya dan yang lebeh besar telah di-pasang dan lebeh kurang 175,000 sambongan<sup>2</sup> perkhidmatan baharu telah di-siapkan. Bilangan penduduk yang menerima perkhidmatan ini ia-lah lebeh kurang 1.15 juta. Pada akhir tahun 1970, di-Malaysia Barat, bilangan sistem<sup>2</sup> bekalan ayer ia-lah sa-banyak 204, yang memberi kemudahan ayer paip kepada lebeh kurang 4.5 juta penduduk. Jumlah purata penggunaan ayer ia-lah sa-banyak 164 j.g.s.

679. Pembinaan dua projek yang besar telah di-mulakan, ia-itu projek Sungai Langat bagi memenohi keperluan penduduk<sup>2</sup> di-kawasan Kuala Lumpur dan projek Sungai Muda bagi kawasan<sup>2</sup> Pulau Pinang dan Seberang Prai. Kedua<sup>2</sup>-nya sedang di-laksanakan dengan berperingkat<sup>2</sup>. Peringkat pertama projek Kuala Lumpur, yang di-anggar akan menelan belanja sa-banyak \$23 juta, melibatkan kerja<sup>2</sup> membina bahagian<sup>2</sup> untok menchuchi di-Sungai Langat, membina kolam untok menyimpan ayer dan memasang paip ayer bagi mengeluarkan dan membahagikan 14 j.g.s. buat permulaan-nya ka-Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Bank Dunia memberi pinjaman wang sa-banyak \$10.8 juta bagi memenohi perbelanjaan yang melibatkan tukaran wang asing untok projek itu, yang di-jadualkan akan siap pada akhir tahun 1972.

680. Projek Sungai Muda, yang bertujuan untok menambahkan bekalan ayer sa-banyak 100 j.g.s. ka-kawasan di-Pulau Pinang dan Seberang Prai, akan di-laksanakan dalam tiga peringkat. Peringkat I akan mengadakan 30 j.g.s. pada tahun 1972 dengan perbelanjaan sa-banyak \$42.6 juta, \$21.6 juta daripada-nya di-biayaï dari pinjaman Bank Pembangunan Asia.

681. Satu kajian bagi membaiki pengurusan dan pengendalian bekalan<sup>2</sup> ayer mengikut amalan moden telah di-jalankan bagi Negeri Selangor. Shor<sup>2</sup> yang telah di-terima termasuk penubohan bahagian bekalan ayer di-Jabatan Kerja Raya, tetapi dengan sistem<sup>2</sup> kewangan dan akaun yang berasingan. Perubahan<sup>2</sup> yang sama akan di-buat di-Pulau Pinang dan Melaka. Di-negeri<sup>2</sup> lain yang sudah ada akaun bekalan ayer, perubahan<sup>2</sup> yang berpatutan akan di-buat mengikut sistem yang di-majukan bagi Negeri Selangor.



682. Satu perkara yang patut di-timbangkan dengan serta-merta ia-lah mengenai kekurangan kakitangan yang kanan dan berpengalaman bagi melaksanakan rancangan dan pengendalian serta penyelenggaraan loji<sup>2</sup>. Kekurangan kakitangan teknik rendah bagi menjalankan tugas<sup>2</sup> biasa menjadi satu bebanan kepada pegawai<sup>2</sup> profesional. Kedaan ini berma'ana bahawa hanya pertimbangan<sup>2</sup> yang tidak mendalam boleh di-buat mengenai perancangan dan kajian<sup>2</sup> projek. Dengan demikian pembenaan projek selalu di-buat dengan mengorbankan kemungkinan<sup>2</sup> ekonomi dari segi rangkaian dan kos.

683. Projek<sup>2</sup> yang besar ada-lah di-rangka dan di-seliakan oleh perunding<sup>2</sup>, tetapi chara ini jelas sekali mempunyai kekurangan<sup>2</sup> tertentu kerana tidak selalu-nya kakitangan dapat mengambil bahagian dalam projek tersebut. Penyelenggaraan dan pengendalian projek<sup>2</sup> yang ada sekarang juga terkandas oleh kerana kakitangan yang terlatah pada segenap peringkat ada-lah kurang bagi mengendalikan projek<sup>2</sup> itu.

684. Di-Malaysia Timor, bekalan<sup>2</sup> ayer di-kendalikan oleh bahagian<sup>2</sup> yang berasingan dalam Jabatan Kerja Raya Negeri atau oleh Lembaga<sup>2</sup> Perayeran yang berkanun yang di-pengerusikan oleh Pengarah Kerja Raya. Di-Sabah, rancangan bekalan ayer Sandakan, yang perbelanjaan-nya di-anggar lebeh dari \$40 juta, telah di-pinda berikutan dengan keputusan<sup>2</sup> yang memuaskan tentang ada-nya ayer bawah tanah yang chukop untok memenuhi keperluan ayer di-bandar itu. Dalam Peringkat I rancangan ayer bawah tanah, hanya \$4.5 juta sahaja di-kehendaki bagi memasang tangki<sup>2</sup> ayer dan pam<sup>2</sup>. Kesemua-nya lebeh kurang \$16 juta telah di-belanjakan bagi bekalan<sup>2</sup> ayer. Dari jumlah ini lebeh kurang \$15.3 juta telah di-biayai oleh Kerajaan Negeri. Keupayaan menchuchi bertambah sa-banyak 4.84 j.g.s. dengan tersiap-nya empat bekalan yang baharu. Sa-banyak 22 bandar dengan penduduk seramai lebeh kurang 150,000 orang telah mendapat bekalan<sup>2</sup> ayer paip. Sementara 450,000 orang lagi yang tinggal di-kampong<sup>2</sup> kechil dan pusat<sup>2</sup> pasar yang bertaboran di-segenap tempat, dan biasa-nya dalam rumah<sup>2</sup> yang berjauhan maseh belum mendapat kemudahan<sup>2</sup> ini.

685. Di-Sarawak, jumlah perbelanjaan ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$5.6 juta yang terdiri dari dua kerja yang besar: ia-itu projek<sup>2</sup> di-Miri dan Sarikei, kesemua-nya berjumlah \$3.18 juta. Selain dari itu, lapan sistem bekalan ayer ka-rancangan<sup>2</sup> kemajuan tanah dan penempatan sa-mula dan sembilan sistem bekalan ayer untok bangunan<sup>2</sup> Kerajaan telah siap. Satu



projek perchubaaan telah di-laksanakan oleh Jabatan Perubatan dan Kesihatan Awam bagi mengadakan ayer paip yang berseh dan chukop dengan perbelanjaan yang rendah. Projek ini ada-lah di-bantu oleh Per-tubohan Kesihatan Sa-Dunia/UNICEF. Sa-jumlah lebeh kurang 30,000 orang telah mendapat faedah dari 126 sistem bekalan ayer ranchangan ini.

## VII.—RANCHANGAN<sup>2</sup> BEKALAN AYER DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA

686. Ranchangan<sup>2</sup> bagi kemajuan bekalan<sup>2</sup> ayer di-*Malaysia Barat* dalam Ranchangan Malaysia Kedua berjumlah sa-banyak \$157 juta, dan \$88.87 juta daripada-nya ada-lah bagi projek<sup>2</sup> sambongan. Perbelanjaan ini, yang merupakan tambahan sa-banyak lebeh kurang 21.5% dari perbelanjaan Ranchangan Malaysia Pertama akan memberi faedah kapada lebeh kurang 1.5 juta orang. Projek<sup>2</sup> ini boleh di-bahagikan kapada tiga jenis yang besar. Jenis yang pertama ia-lah projek<sup>2</sup> besar yang akan memberi kemudahan kapada kawasan<sup>2</sup> bandar, saperti Peringkat I Bekalan Ayer Kuala Lumpur yang baharu dan Peringkat II yang akan menelan belanja sa-banyak \$40 juta; projek Sungai Muda bagi Pulau Pinang dan Seberang Prai yang akan menelan belanja sa-banyak \$23.27 juta; dan projek Durian Tunggal bagi Negeri Melaka dengan jumlah perbelanjaan-nya sa-banyak \$28.6 juta. Sa-bahagian dari perbelanjaan projek Durian Tunggal ada-lah di-biayaï oleh wang pinjaman sa-banyak \$15 juta dari Bank Pembangunan Asia, sementara perbelanjaan mengenai rangkaian dan penyeliaan di-biayaï dari Bantuan Khas Kerajaan British.

687. Jenis yang kedua mengandongi beberapa projek baharu dan projek sambongan bagi membaiki dan membesarkan bekalan<sup>2</sup> untok memenohi permintaan yang bertambah di-sebabkan tambahan penduduk, kemajuan perumahan, dan kegunaan perusahaan di-setengah<sup>2</sup> kawasan. Projek<sup>2</sup> ini akan menelan belanja sa-banyak \$53 juta dan sa-jumlah besar dari-nya akan di-biayaï oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri masing<sup>2</sup>.

688. Termasuk dalam ranchangan ini ia-lah beberapa projek yang memerlukan kajian yang lebeh lanjut mengenai kemungkinan<sup>2</sup>-nya dari segi teknik dan ekonomi. Kajian kemungkinan projek Sungai Tebrau di-Johor, mithalnya, sekarang ini ada-lah di-peringkat penyediaan. Projek ini di-anggap sebagai satu projek serbaguna bertujuan untok membolehkan lalu lintas menyeberang Sungai Tebrau. Kawasan ini mempunyai puncha ayer yang sesuai bagi perusahaan dan juga mempunyai tapak yang boleh di-majukan untok kemudahan<sup>2</sup> kerehatan. Laporan mengenai projek ini akan di-siapkan pada akhir tahun 1971.



689. Begitu juga, chadangan<sup>2</sup> bagi menyambong bekalan<sup>2</sup> ayer dan mengadakan bekalan<sup>2</sup> ayer yang baharu untok memberi kemudahan kepada kawasan<sup>2</sup> yang terpenchil di-Negeri Sembilan, Perak, Kedah dan Perlis, memerlukan kajian yang teliti mengenai kemungkinan ada-nya puncha<sup>2</sup> ayer yang lebeh murah, terutama sekali ayer di-bawah tanah. Sampai sekarang ini, belum ada kajian<sup>2</sup> yang terator di-buat mengenai kemungkinan ada-nya puncha<sup>2</sup> ayer di-bawah tanah, yang mungkin lebeh menguntongkan dari segi ekonomi bagi penduduk<sup>2</sup> luar bandar yang tidak begitu ramai. Kajian seumpama ini akan di-jalankan sebagai projek yang di-biayaï oleh Kerajaan Persekutuan.

690. Projek<sup>2</sup> bagi negeri<sup>2</sup> Trengganu dan Kelantan menghadapi masalaahnya yang tersendiri. Masalaahnya ia-lah berkaitan dengan kemungkinan<sup>2</sup> ayer laut memasoki ka-dalam bekalan ayer. Kajian<sup>2</sup> akan di-jalankan bagi mengatasi masalah ini.

691. Jenis yang ketiga ia-lah projek<sup>2</sup> untok ranchangan<sup>2</sup> LKTP yang di-biayaï sechara langsung oleh Kerajaan Persekutuan. Selain dari 26 projek sambongan, 19 ranchangan baharu ada-lah di-chadangkan bagi memenohi keperluan<sup>2</sup> bekalan ayer di-ranchangan<sup>2</sup> LKTP. Jumlah perbelanjaan bagi projek<sup>2</sup> ini ia-lah sa-banyak \$32.28 juta, sa-banyak \$15 juta daripada-nya akan di-belanjakan dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua. Projek<sup>2</sup> ini ada-lah sa-bahagian dari infrastruktur sosial di-ranchangan<sup>2</sup> LKTP dan biasa-nya merupakan sa-jumlah besar dari perbelanjaan kemajuan kampong di-ranchangan<sup>2</sup> tersebut. Ada-lah di-jangka bahawa kajian mengenai puncha<sup>2</sup> keluaran ayer bawah tanah boleh menghasilkan sumber<sup>2</sup> yang sesuai sekurang<sup>2</sup>-nya bagi sebilangan projek<sup>2</sup> LKTP.

692. Ranchangan<sup>2</sup> untok *Sabah* berjumlah sa-banyak \$14.58 juta dan kebanyakan-nya akan membiayaï projek<sup>2</sup> untok memperluaskan lagi bekalan ayer yang ada sekarang dan bekalan<sup>2</sup> kechil yang lain bagi memenohi keperluan<sup>2</sup> penduduk<sup>2</sup> di-Kudat, Semporna, Tenom dan Lahad Datu. Peringkat II ranchangan ayer bawah tanah bagi Sandakan akan menelan belanja sa-banyak lebeh kurang \$4 juta dan akan menghasilkan sa-banyak 2 j.g.s. Bekalan sa-banyak ini ada-lah menchukopi bagi keperluan<sup>2</sup> penduduk Sandakan sehingga tahun 1975. Kerja<sup>2</sup> merangka dan menyelia projek ini akan di-lakukan oleh perunding<sup>2</sup>.



693. Projek<sup>2</sup> di-Sarawak ada-lah bertujuan mengadakan sambongan<sup>2</sup> yang perlu dan memberi kemudahan<sup>2</sup> kepada penduduk<sup>2</sup> yang terpenchil serta ranchangan<sup>2</sup> kemajuan tanah baharu.

694. Di-Sabah dan Sarawak hampir<sup>2</sup> semua wang yang di-kehendaki bagi melaksanakan projek<sup>2</sup> ini akan di-biaya<sup>2</sup> dari puncha<sup>2</sup> kewangan negeri masing<sup>2</sup>, termasuk puncha<sup>2</sup> kewangan Lembaga<sup>2</sup> Ayer yang berkanun. Asid floraid telah di-gunakan di-kedua<sup>2</sup> negeri ini dan juga di-Johor. Penggunaan asid floraid ini memberi faedah yang besar dari segi kesihatan pergigian, terutama sekali di-kalangan kanak<sup>2</sup>. Soal menggunakan asid floraid di-masa hadapan dalam ranchangan<sup>2</sup> bekalan ayer di-negeri<sup>2</sup> di-Malaysia Barat juga sedang di-timbangkan.

#### VIII.—PEMBIAYAAN RANCHANGAN PEMBEKALAN AYER

695. Sebagaimana yang di-sebutkan dalam perenggan 679 dan 680, projek<sup>2</sup> sambongan yang besar ada-lah di-biaya<sup>2</sup> oleh Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia. Sa-bahagian besar dari projek<sup>2</sup> lain akan di-biaya<sup>2</sup> oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri, kechuali bagi ranchangan<sup>2</sup> LKTP, yang menerima bantuan Kerajaan Persekutuan.

696. Pada masa ini, bayaran<sup>2</sup> ayer di-seluruh Malaysia Barat ada-lah lebeh kurang sama sahaja. Bagi pengguna<sup>2</sup> rumah kediaman sa-banyak \$1.00 tiap<sup>2</sup> 1,000 gelen ada-lah di-kenakan di-semua negeri, melainkan di-Perak, Pulau Pinang dan Melaka, di-mana bayaran<sup>2</sup>-nya ada-lah lebeh rendah. Bayaran<sup>2</sup> yang di-kenakan kepada pengguna<sup>2</sup>, selain dari pengguna rumah kediaman, ada-lah antara \$1.00 dan \$2.00 bagi tiap<sup>2</sup> 1,000 gelen. Di-Malaysia Timor, bayaran<sup>2</sup> ada-lah sa-banyak \$2 tiap<sup>2</sup> 1,000 gelen. Hasil<sup>2</sup> ayer di-Malaysia Barat telah bertambah dari \$17.6 juta dalam tahun 1960 kepada \$26.4 juta dalam tahun 1965 dan lebeh kurang \$49 juta dalam tahun 1970.

697. Oleh kerana kebanyakan dari bekalan<sup>2</sup> ada-lah bersambong antara satu dengan lain, sistem bekalan yang memberi kemudahan<sup>2</sup> kepada kawasan<sup>2</sup> bandar biasa-nya juga memberi kemudahan kepada kawasan<sup>2</sup> luar bandar yang berhampiran. Sistem<sup>2</sup> seumpama ini, yang kadang<sup>2</sup> melintasi sempadan<sup>2</sup> negeri, telah memberi faedah kepada penduduk<sup>2</sup> luar bandar yang biasa-nya tidak dapat menampung perbelanjaan bekalan ayer yang berasingan.

698. Jadual 13-4 menunjukkan peruntukan bagi bekalan ayer dalam Ranchangan Malaysia Kedua.



JADUAL 13-4

PERUNTOKAN BAGI BEKALAN AYER, 1971-75

(\$ juta)

<i>Malaysia Barat</i> ... ..	157.00
Bekalan <sup>2</sup> bandar besar:	
(a) Kuala Lumpur I ... ..	17.00
(b) Pulau Pinang I ... ..	23.30
(c) Kuala Lumpur II ... ..	20.00
(d) Melaka ... ..	28.60
Projek <sup>2</sup> baharu dan sambongan di-biayaï dari sumber Persekutuan dan Negeri ... ..	53.10
Bekalan <sup>2</sup> ayer ka-ranchangan <sup>2</sup> LKTP ... ..	15.00
<i>Sabah</i> ... ..	14.58
Sambongan ka-bekalan <sup>2</sup> sekarang di-Kota Kinabalu dan Tawau ... ..	0.08
Bekalan ayer bawah tanah Sandakan I ... ..	1.20
Bekalan <sup>2</sup> ayer ka-Kudat, Semporna, Tenom, Beaufort, Membakut, Lingkuangan, Kunak, Bingkor, Tambunan, Kuala Penyu, Lahad Datu, Labuan, Nabawan, Karakit dan Bandau ... ..	8.00
Bekalan ayer bawah tanah Sandakan II ... ..	4.00
Bekalan kecil dan sambongan <sup>2</sup> paip ayer—10 Bekalan <sup>2</sup> bandar kecil dan luar bandar ... ..	(10)*
Sambongan dan hubungan Tuaran dan Tamparuli ... ..	0.80
Kajian dan korek ... ..	0.50
<i>Sarawak</i> ... ..	12.17
Ranchangan Miri dan Sarikei ... ..	0.68
Ranchangan Simanggang ... ..	0.80
Kampong Lubai Tengah ... ..	0.15
Bekalan <sup>2</sup> ka-ranchangan <sup>2</sup> tanah baru ... ..	0.39
Ranchangan Bintulu ... ..	0.29
Ranchangan <sup>2</sup> kecil (di-antara \$250,000 dan \$1 juta) ... ..	9.00
Jumlah ... ..	183.75

\* Peruntokan sebagai tanda.